

'Giat pelancongan di kalangan murid'

BM 31 MAR 1969

ALOR STAR, Sabtu — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengesyorkan supaya negeri-negeri di Malaysia menggalakkan pelancongan di kalangan murid-murid sekolah.

Menurutnya salah satu cara yang dapat dilakukan ialah dengan menyediakan kemudahan perkhemahan di tempat-tempat yang menarik.

"Kerajaan-kerajaan negeri boleh menyediakan khemah-khemah di tepi

pantai atau di tempat-tempat peranginan untuk disewa oleh pelajar-pelajar," kata beliau selepas mendengar taklimat pembangunan Kedah di Wisma Negeri semalam.

Beliau berpendapat, pihak swasta patut menyertai rancangan ini dengan menyediakan tempat dan kemudahan perkhemahan di samping mengadakan pegawai-pegawai rekreasi di tempat-tempat berkenaan.

Menurutnya, pegawai-pegawai seperti itu boleh merancangkan kegiatan-kegiatan menarik seperti berenang dan lawatan bagi murid-murid yang berkhemah di tempat-tempat mereka.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, lawatan-lawatan seperti itu amat penting bagi membolehkan murid-murid sekolah di negara ini mengenali tempat-tempat dan tanaman di tanahair mereka sendiri.

Katanya, kegiatan pelancongan itu patut digalakkan pada musim cuti sekolah bagi membolehkan murid-murid sekolah menghabiskan cuti dengan kegiatan-kegiatan yang berguna.

Perdana Menteri menegaskan, kerajaan kini sedang memberi tumpuan untuk menggalak dan memajukan industri pelancongan di negara ini.

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir, langkah pertama dan utama ialah menjaga kebersihan dan mencantikkan negara ini.

"Setiap rakyat perlu bertanggungjawab untuk menjaga kebersihan dan berusaha untuk mencantikkan kawasan masing-masing," tambahnya.

Katanya, antara tempat-tempat yang perlu diberi perhatian untuk memastikan kebersihannya ialah tandas-tandas awam, gerai-gerai makanan dan pekan-pekan.